

1978

IPOH, 11 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN KEPADA CALON-CALON BARISAN NASIONAL YANG TERPILIH DALAM PILIHANRAYA BARU-BARU INI, TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG MENYELEWENG DAN YANG CUBA MENJATUHKAN IMEJ PARTI.

BELIAU MENEGASKAN PUCUK PIMPINAN PARTI BERAZAM PENUH UNTUK MEMBERSIHKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BARISAN DARI SEBARANG BENTUK PENYELEWENGAN.

BERUCAP DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PEKERJA-PEKERJA PILIHANRAYA BN DI SINI HARI INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PUCUK PIMPINAN BN AKAN MEMASTIKAN TIDAK AKAN BERLAKU SEBARANG KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI DI KALANGAN CALON-CALON YANG DIPILIH.

MENURUTNYA, TIDAK ADA TEMPAT BAGI MEREKA YANG MEMIKIRKAN AKAN BERPELUANG MENGAMBIL KESEMPATAN DARI KEDUDUKAN MEREKA ATAU CUBA MELEMAHKAN PARTI.

SETIAP ORANG CALON, TAMBAH BELIAU, HENDAKLAH MEMATUHI SEPENUHNYA ATURAN-ATURAN PARTI. — BERSAMBUNG 1508/ZCM

MAHATHIR 2 IPOH

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PARTI AKAN MEMBERI PERHATIAN YANG WAJAR TERHADAP SIKAP PARA PEMIMPIN DAN AHLI YANG TIDAK MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON YANG TERPILIH YANG DIFIKIRKAN TIDAK MENGIKUT KEHENDAK MEREKA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU GEMBIRA KERANA SELEPAS SEMINGGU HARI PENAMAAN CALON SEMUA PEMIMPIN DAN PERINGKAT BAWAHAN TELAH MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON BN WALAUPUN PADA MULANYA TERDAPAT TENTANGAN MENGENAI PEMILIHAN CALON-CALON TERSEBUT.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, BN ADALAH SEBUAH PARTI YANG TIDAK KETERLALUAN IDEOLOGINYA DAN BERTINDAK SECARA ADIL.

MENGENAI SIKAP SETENGAH BAHAGIAN UMNO YANG TIDAK MEMBERI KESEMPATAN KEPADA JENERASI MUDA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SIKAP SEUMPAMA ITU HARUS DISINGKIRKAN KERANA MASA DEPAN NEGARA AKAN DITENTUKAN OLEH JENERASI BARU DAN UMNO PERLU MEMBUKA PINTUNYA KEPADA MEREKA.

UMNO, UJAR BELIAU, HARUS MENGADAKAN PEMBAHARUAN DEMI KEBAIKAN PARTI ITU SENDIRI DAN NEGARA SELURUHNYA.

DI SAMPING ITU, BELIAU JUGA MENGINGATKAN CALON-CALON YANG MENANG BAHAWA KEJAYAAN MEREKA ADALAH KERANA PARTI DAN BUKAN KERANA DIRI MEREKA SENDIRI.

+MEREKA ADALAH HAK PARTI DAN BUKANNYA PARTI HAK MEREKA,+ JELAS BELIAU. — BERSAMBUNG 1512/ZCM

££

B553:

MAHATHIR 3 IPOH

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PEMIMPIN DAN PEKERJA-PEKERJA PILIHANRAYA BN YANG TELAH BERTUNGKUS LUMUS BAGI MEMASTIKAN KEMENANGAN PARTI ITU.

BELIAU JUGA BERTERIMA KASIH KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN LAMA UMNO YANG TURUT MEMAINKAN PERANAN MEMBANTU CALON-CALON BN DALAM PILIHANRAYA LALU.

TERDAHULU, MENTERI BESAR PERAK WAN MOHAMED HAJI WAN TEH MEN-SIFATKAN KEMENANGAN CEMERLANG BN DI NEGERI INI SEBAGAI HADIAH ISTIMEWA KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR SELAKU KETUA PERHUBUNGAN UMNO PERAK.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PEKERJA DAN PEMIMPIN BN YANG BEKERJA KERAS BAGI MENJAMIN KEMENANGAN CALON-CALON PARTI DI NEGERI INI.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU TIALAH TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN MAT ISA DAN TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN DATUK HAJI RAMLI